

Proton, Perodua tiada kerosakan teknikal serius
Malaysiakini.com
July 05, 2010

Tiada kes kerosakan teknikal serius dilaporkan mengenai kenderaan keluaran Proton dan Perodua, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Kedua-dua pengeluar telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memenuhi serta menepati piawaian keselamatan dan spesifikasi antarabangsa, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"Sehingga kini, isu-isu teknikal yang dihadapi Proton tidak melibatkan ciri-ciri keselamatan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada pengguna. Bagi Perodua pula, secara puratanya jumlah kes yang dilaporkan adalah kurang daripada 2.0 peratus daripada jumlah kenderaan yang dikeluarkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan) di persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Hee ingin tahu kes-kes kerosakan yang dialami oleh kenderaan keluaran Proton dan Perodua setelah berada di pasaran serta mengapa tiada tindakan segera atau pengumuman yang dibuat kepada pengguna.

Mustapa berkata disebabkan tiada kes keselamatan serius yang direkodkan oleh Proton dan Perodua, maka tiada pengumuman rasmi yang menyeluruh dibuat seperti yang dilakukan oleh pengeluar kenderaan utama global, Toyota dan Honda.

"Bagaimana pun selama 25 tahun beroperasi, Proton telah empat kali mengeluarkan kenyataan akhbar dan memaklumkan kepada pengguna mengenai isu teknikal berkaitan keselamatan yang dikenal pasti.

"Ia termasuk kegagalan ampaian bagi model Perdana pada 2001, keretakan rim (Waja, 2004), kegagalan "jack assy" (Gen2 & Neo, 2007) serta kegagalan gelas roda belakang (Savy, 2008) yang dimaklumkan melalui media cetak, elektronik, laman web, telefon, SMS dan surat," katanya.